

Tempoh untuk Pasak jelas tindakannya

PENCAK SILAT

- 7 SEP 1985

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) memberi tempoh sehingga Isnin ini kepada kumpulan silat Gayong Pasak menjelaskan tindakannya memulaukan upacara akhir Pesta Silat baru-baru ini.

Jika kumpulan silat itu gagal berbuat demikian maka tindakan disiplin akan dikuatkuasakan pada hari tersebut.

Keputusan itu dicapai dalam satu mesyuarat khas jawatankuasa disiplin Persisi yang diadakan pada Isnin lalu.

Mesyuarat yang dihadiri oleh 15 orang wasit/juri itu telah mengemukakan maklumbalas mengenai pesta silat itu.

Khuatir

Ketika dihubungi, Pengerusi Kedua dan juga Guru Tertinggi Gayong Pasak, Encik Hussain Kaslan menegaskan pihaknya tidak akan berbuat demikian.

Malah, jika tindakan disiplin dijatuhkan ke atas kumpulan itu maka Gayong Pasak akan meminta keanggotaannya digugurkan dari badan kerabat tersebut.

"Tiada sebab mengapa kami harus berbuat demikian. Mengapa kesalahan kami saja yang diketengahkan sedang kesalahan sendiri (Persisi) tidak diakui."

"Kami tidak khuatir dengan sebarang tindakan

disiplin.

"Malah, kami sebulat suara akan meminta Persisi mengeluarkan Gayong Pasak dari badan itu jika hukuman tersebut dilaksanakan," kata Encik Hussain.

Adalah difahamkan bahawa pendirian Gayong Pasak berpunca daripada rasa tidak puas hati dengan cara Persisi mengelolakan perwasitan/pengadilan pesta silat itu.

Bagaimanapun, Gayong Pasak bersedia untuk menimbangkan penarikannya jika Persisi menepati janjinya untuk berbincang soal pengadilan dan menonton rakaman video pesta silat pada malam itu.

Kata Encik Hussain, Persisi telah menghubungi pihaknya untuk menonton rakaman video pesta silat dalam usaha menyeleraikan isu itu.

Tetapi sehingga hari ini Gayong Pasak masih menunggu surat undangan dari Persisi, kata beliau.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, ketika dihubungi enggan mendedahkan bentuk hukuman yang bakal dikenakan kepada kumpulan silat itu sekiranya mereka enggan membuat penjelasan itu.

Keputusan mesyuarat itu bertujuan memberi kelonggaran dan masa bagi Gayong Pasak untuk mengambil langkah yang sepatutnya, katanya.

Antara hukuman yang

boleh dijatuhkan ke atas kumpulan silat tersebut ialah:

- Taraf kerabat kumpulan silat itu boleh digugurkan;
- keanggotaannya dalam Persisi digantung; dan
- tidak dibenarkan menyertai sebarang kegiatan anjuran Persisi bagi jangka masa yang ditetapkan.

Tahniah Perwanit pada Persisi

- 7 SEP 1985

KAMI ingin mengucapkan tahniah kepada Persisi yang telah berjaya mengadakan Pesta Silat Kebangsaan '85 — pertandingan pencak silat sempena Pesta Sukan Singapura.

Dengan usaha Persisi yang berani dan tegas, kini silat dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih maju kalau dibandingkan dengan masa-masa lalu.

Para pemimpin Persisi wajar diberikan pujian kerana sikap kepemimpi-

nannya yang dedikasi dan sedia berkorban masa dan tenaga demi memajukan silat di negara ini.

Terjadinya 'sejarah hitam' dalam pesta itu adalah kerana adanya golongan yang hanya mementingkan diri.

Kami rasa tindakan disiplin wajar dikenakan terhadap kumpulan yang memulaukan majlis penyampaian hadiah di pesta itu.

NOORDIN IMAM
Setiausaha Agung
Perwanit

Tinggalkan dewan bukan arahan guru

10 SEP 1985

SAYA di sini ingin merujuk kepada surat yang ditulis dalam ruangan 'Dari Pembaca kita' oleh Encik Mohd Husein All berkenaan dengan 'insiden kurang sihat malukan semua pihak' yang diterbitkan di dalam akhbar yang bertarikh 24 Ogos 1985.

Di dalam surat itu Encik Mohd telah menearangkan bahawa pada 18 Ogos lalu, semasa menyaksikan Kejohanan Pesta Silat 1985 di Dewan Badminton Singapura dia merasa amat terkejut apabila melihat seorang guru dari salah sebuah kumpulan silat telah meninggalkan dewan itu bersama-sama anak buahnya sekali sebelum penyampaian hadiah diberikan. Saya tahu bahawa kumpulan yang dimaksudkan itu ialah dari kumpulan Gayong Pasak.

Di sini saya ingin menerangkan duduk perkara sebenar yang menyebabkan guru itu dan kumpulan itu berbuat begitu. Mereka berbuat demikian bukanlah atas arahan guru itu tetapi anak-anak buahnya sendiri yang ingin meninggalkan dewan kerana merasa marah dan tidak berpuashati dengan keputusan pihak penganjur.

Abdul Manan
Toa Payoh.